

KS2023 erat hubungan masyarakat

Keretapi Sarong bertemakan etnik semarak sambutan Hari Malaysia

Oleh Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Orang ramai dijemput memeriahkan 'flash mob' atau aksi rasa kilas program Keretapi Sarong 2023 (KS2023) bertemakan etnik bagi menyemarakkan semangat patriotik dan perpaduan dalam kalangan rakyat sempena Hari Malaysia, Sabtu ini.

Program anjuran Local Companion (LOCCO), sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu ba-

kal menghidangkan sambutan unik dengan persempahan tarian tradisional, muzik dan seni pen-ceritaan berbilang bangsa.

'Flash mob' berkumpulan Keretapi Sarong akan diadakan di pelbagai bandar dan stesen, antaranya Putrajaya Sentral (KLIA Transit), Subang Jaya (LRT), Bandar Utama (MRT), Ampang (LRT), Gombak (LRT), Kajang (MRT) dan KL Sentral (LRT).

Acara sama turut berlangsung serentak di bandar utama seperti Johor Bahru (sepanjang Sungai Segget), Ipoh (KTMB Ipoh) dan Kuala Terengganu (Kampung Budaya Terengganu) serta di London, United Kingdom (Battersea Power Station).

Program berkumpulan Keretapi Sarong adalah acara komuniti yang saban tahun diadakan bagi mengeratkan hubungan antara rakyat berbilang kaum di Mala-

ysia, selain menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, di samping memelihara dan merai-kan kain sarung sebagai kepelba-gaian warisan.

Program dapat sokongan

Pengarah KS2023, Shamsul Bahrin Zainuzzaman, berkata pro-gram mendapat sokongan rakan kerjasama utama, iaitu Rapid KL, syarikat sistem pengangkutan awam dimiliki Prasarana Mala-sia Berhad (PRASARANA) dan dioperasikan oleh anak syarikatnya, Rapid Rail dan Rapid Bus.

Katanya, KS2023 dianjurkan de-nan kerjasama Kementerian Pe-lancongan, Seni dan Kebudayaan (MOTAC); Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) serta Dewan Bandaraya Kuala Lum-

pur (DBKL).

"Kami sangat teruja untuk me-ngumumkan bahawa lokasi ta-hun ini adalah tempat paling ikon-ik dan bersejarah di negara ini, iaitu Dataran Merdeka. Pemili-han lokasi itu berikutan keluasan kawasan yang boleh dihadiri le-bih ramai pengunjung."

"Pengunjung juga dapat meng-hadiri Festival Permainan Mala-sia, anjuran JKKN yang berlang-sung serentak," katanya memak-lumkan program itu akan meraka-m detik bersejarah apabila ra-kyat berbilang bangsa berkumpul di Dataran Merdeka selepas per-jalan-an kereta api berlepas dari stesen terpilih.

"Memandangkan kita menjang-kakan jumlah yang hadir lebih ra-mai tahun ini, kita meramalkan

'flash mob' dengan pakaian sa-rung dan etnik ini juga akan lebih meriah," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Rail, Amir Hamdan, berkata pihaknya men-jangkakan lebih 10,000 peserta akan menggunakan rel Rapid KL dari tujuh stesen untuk ke lokasi akhir KS2023, meningkat berbanding lebih 6,000 peserta tahun la-lu.

"Dengan acara komuniti sepe-ri-ti ini, saya berharap ia akan dapat menyemarakkan semangat patri-o-tik dan perpaduan dalam kala-ngan rakyat Malaysia. Acara ini juga dapat menerapkan nilai sa-yangkan budaya dan menggalak-kan warga belia terutamanya un-tuk lebih menghargai busana tra-disional Malaysia," katanya.



Amir (empat dari kanan) dan Shamsul (tiga dari kiri) pada majlis perasmian Keretapi Sarong 2023 di Dataran Merdeka.
(Foto Rohanis Shukri)